

19 MAY 1997

Anwar-Umno

UMNO KE SARAWAK JIKA ADA PERSETUJUAN PEMIMPIN NEGERI

KUCHING, 19 Mei (Bernama) -- Kemasukan Umno ke Sarawak perlu ada persetujuan antara para pemimpin parti itu dan pemimpin Bumiputera negeri ini yang sah, kata Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini.

Beliau berkata Umno sebagai sebuah parti Melayu mengamalkan sikap terbuka dalam soal mengembangkan sayapnya ke negeri ini.

"Umno juga ada pemimpin yang memahami politik negara dan negeri dengan bertindak berlandaskan dasar, perlembagaan dan pengalaman," katanya pada majlis jamuan malam semua kaum di sini sempena lawatan beliau ke Sarawak.

Majlis itu turut dihadiri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Hajah Laila Taib.

Anwar, yang juga Pemangku Presiden Umno, berkata tidak timbul sama ada Umno akan ke Sarawak atau negeri ini akan dipinggirkan kerana ia akan diputuskan oleh para pemimpin Umno dan pemimpin-pemimpin negeri ini.

Beliau menganggap surat-surat layang dan khabar angin tentang kehadiran Umno di Sarawak lebih merupakan satu keghairahan politik di negeri ini.

"Oleh itu, kalau ditanya kenapa lama sangat bagi saya menjelaskan tentang isu ini, ia kerana saya mahu memberi ruang kepada keghairahan politik itu," katanya.

Beliau berkata khabar angin itu sama seperti cerita kononnya berlaku keretakan hubungan antara beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kadang-kadang kami memilih untuk berdiam diri sambil menyaksi bagaimana 'sandiwara' khabar angin ini dimainkan dan hanya memberikan reaksi jika keadaan memerlukan," katanya.

Anwar, yang tiba di sini tengah hari tadi, akan meneruskan perjalanan ke Manila esok untuk menghadiri persidangan ekonomi lembah Pasifik. --

BERNAMA

OPP AKD